



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



Pereka fesyen wanita perlu bijak rancang arah tuju dan berani ambil risiko.

Info

Pereka fesyen wanita popular

- Datuk Tom Abang Saufi
- Alia Bastamam
- Yaya Rosly
- Adila Long
- Putri Azalea Ashram Ramli
- Melinda Looi
- Lynda Rahim
- Amelia Hassan



Pereka wanita perlu promosi diri

➔ Golongan hawa tulang belakang industri fesyen

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pereka fesyen wanita kurang menyerlah bagi menempatkan diri dalam industri rekaan fesyen kerana mereka tidak begitu bagus mempromosikan diri dan jenama berbanding lelaki.

Landskap fesyen dilihat dimonopoli pereka lelaki kerana golongan itu lebih ke hadapan merebut peluang mempromosikan diri di media elektronik, cetak dan secara dalam talian.

Pensyarah Kanan, Jabatan Fesyen Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Faizal Hamid, berkata bagaimanapun, wanita tidak dipinggirkan dalam industri fesyen kerana peluang sama rata sudah diberikan ketika di peringkat universiti lagi.

Katanya, setiap tahun kemasukan pelajar wanita dalam pengajian Seni Reka Fesyen lebih ramai berbanding lelaki. Ahli akademik di universiti memberi peluang kepada setiap pelajar menonjolkan bakat dan melalui pembelajaran teori dan praktikal.

“Saya melihat graduan fesyen wanita memilih kerjaya yang kurang menyerlah dan selesa berada di belakang tabir industri,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Wanita perlu rebut peluang

Faizal berkata, beliau tidak bersetuju mengatakan industri fesyen ‘pilih kasih’ terhadap pereka wanita.

“Saya tidak nafikan pelajar lelaki lebih gigih, kreatif dan bekerja keras untuk menghasilkan produk. Tetapi tidak bermakna semua pelajar perempuan tidak kreatif. Masing-masing mempunyai bakat dan kemahiran tersendiri.

“Cuma, saya melihat pereka fesyen lelaki lebih bijak merancang arah tuju mereka dalam industri dan berani ambil peluang dan risiko,” katanya.

Beliau berkata, jika ada pereka fesyen wanita merasai diri dipinggirkan industri, sepatutnya mereka perlu giat mempromosikan diri seperti dilakukan lelaki.

Tidak dinafikan ramai pelajar wanita cemerlang di universiti. Cuma, mereka tidak menonjol di arus perdana kerana berada di belakang tabir sebagai ‘orang kuat’ industri.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH ➔



Hari ini sudah ada wanita berani memecahkan trend menerusi nama besar seperti Alia Bastama, Datuk Tom Abang Saufi, Melinda Looi dan Azura Mazaruddin”

Faizal Hamid,
Pensyarah Kanan, Jabatan
Fesyen Fakulti Seni Lukis dan
Seni Reka, UiTM Shah Alam

“Wanita lebih gemar memenuhi kerjaya dalam industri seperti tekstil, pengiklanan, perniagaan runcit, penerbitan mahupun ahli akademik.

“Mereka sebenarnya tulang belakang kepada industri. Kalau semua mahu ke hadapan, siapa mahu menjawat kerjaya lain disediakan seperti penulis fesyen dan pensyarah yang kini dimonopoli wanita ” katanya.

Penyumbang fesyen Muslimah

Katanya, peluang berada dalam industri fesyen direbut lelaki sebagai trend kerjaya.

“Kita tidak nafikan lelaki berada dalam industri fesyen sejak dari dahulu dan ia sentiasa menjadi ikutan.

“Hari ini sudah ada wanita berani memecahkan trend menerusi nama besar seperti Alia Bastama, Datuk Tom Abang Saufi, Melinda Looi dan Azura Mazaruddin,” katanya.

“Wanita penyumbang besar dalam industri fesyen terutama dalam rekaan fesyen Muslimah. Ia pemikiran klise apabila mengatakan wanita tidak diberi peluang untuk menonjol kerana wanita sudah bangkit hari ini cuma dalam arah dan laluan berbeza,” katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

